

PROGRAM TECHNOPRENEURWAVE 3.0

Nur Jannah Azman¹, Aishah Nadirah Mohamed Alauddin²

¹Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia.

²Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, Persiaran Seremban Tiga 1, Seremban 3, 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

*Email: nurjannah@uitm.edu.my

Program Technopreneurwave 3.0 adalah program yang berbentuk “station business pitching” dan pameran oleh usahawan yang terdiri daripada kalangan pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program ini telah melibatkan anggaran penyertaan seramai 150 orang pelajar (terdiri daripada 30 kumpulan terbaik) yang terpilih daripada ketiga-tiga kampus di UiTM Negeri Sembilan yang mewakili Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban dan Kampus Rembau.

Program yang telah masuk Siri Ketiga ini menjadi satu jenama bagi MASMED UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Siri Pertama telah berjaya dijalankan di kampus Kuala Pilah, diikuti Siri Kedua di Kampus Seremban. Justeru pada kali ini penganjuran program ini diadakan di UiTM Kampus Rembau dengan kerjasama ahli-ahli MASMED di Kampus Seremban dan Kuala Pilah.

Program ini telah berlangsung pada 29 November 2019, pada hari Jumaat, bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari. Lokasi yang dipilih adalah di Dewan Biduanda, UiTM Kampus Rembau. Program ini direka dengan tujuan pembudayaan keusahawanan yang lebih ringkas di mana ianya bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi mencipta sesuatu yang berinovasi dan boleh dipasarkan bagi menjana ekonomi. Seramai lebih kurang 150 orang pelajar daripada Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau yang bertanding dan melibatkan diri. Penjurian juga dijalankan dengan juri-juri luar dan dalam UiTM dipilih berdasarkan kepakaran masing-masing. Peruntukan sebanyak RM3,615.00 telah disalurkan oleh pihak MASMED UiTM Shah Alam untuk menayakan program ini.

Semua peserta menunjukkan komitmen yang baik dan memberi maklumbalas yang positif terhadap penganjuran program ini. Jika pada Siri 1 dan 2, para peserta terdiri dari pelajar ijazah, tetapi pada Siri 3 ini, pelajar Diploma juga berpeluang untuk menyertainya. Penganjuran program ini memberi impak yang baik kerana ketiga-tiga kampus dapat terlibat bukan sahaja sebagai peserta malahan para pensyarah dari ketiga-tiga kampus turut bekerjasama sebagai AJK. Antara penambahbaikan yang akan dibuat selepas kajian maklumbalas program dibuat adalah dengan membuka kepada lebih ramai penyertaan pelajar secara berkumpulan mahupun individu dan juga menambah kategori hadiah sebagai galakan kepada para peserta. Program ini juga berjaya mewujudkan daya saing yang lebih kreatif di mana bukan sahaja produk berinovasi sahaja yang dapat dihasilkan, malahan inovasi yang berpotensi untuk dipasarkan juga dapat dikenalpasti. Program ini diharap dapat diteruskan pada masa akan datang.



1. Sekitar perjalanan program.
2. Sesi penyampaian hadiah oleh Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan.
3. Sesi bergambar peserta bersama pengurusan tertinggi UiTM Negeri Sembilan dan AJK Program